



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
(Ministry of Health Malaysia)
Pejabat Pengarah Kanan Perkhidmatan Farmasi
(Office of the Senior Director of Pharmaceutical Services)
Lot 36, Jalan Universiti
46200 Petaling Jaya
Selangor
MALAYSIA

No. Telefon : 03 - 7841 3201
No. Faksimili : 03 - 7968 2248
Portal Rasmi : <https://www.pharmacy.gov.my>
E-mel : ramlizainal@moh.gov.my
pejabatpkpf@moh.gov.my

KKM.600-14/1/2 Jld. 21 (95)

15 Mei 2020

SEPERTI SENARAI EDARAN

YBhg. Datuk/ Dato'./ Datin / Prof. Dato'/ Prof. Datin/ Prof / Tuan/ Puan,

PANDUAN PENGENDALIAN LATIHAN LIBERALISASI AHLI FARMASI PROVISIONAL (PRP) SEMASA TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) AKIBAT PENULARAN WABAK COVID-19

Saya dengan hormatnya ingin menarik perhatian YBhg. Datuk/ Dato'./ Datin / Prof. Dato'/ Prof. Datin/ Prof / Tuan/ Puan mengenai perkara di atas.

2. Sepertimana YBhg. Datuk/ Dato'./ Datin / Prof. Dato'/ Prof. Datin/ Prof / Tuan/ Puan sedia maklum, YAB Tan Sri Muhyiddin Yassin, Perdana Menteri Malaysia telah mengumumkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) kepada semua penduduk Malaysia bermula dari 18 Mac 2020 dan PKP.

3. Sehubungan itu, Bahagian Lembaga Farmasi Malaysia (BLFM) telah mengambil inisiatif untuk membangunkan satu garis panduan mengenai pengendalian Latihan Liberalisasi Ahli Farmasi Provisional (PRP) semasa tempoh PKP akibat penularan wabak Covid-19.

Perhatian dan kerjasama YBhg. Datuk/ Dato'./ Datin / Prof. Dato'/ Prof. Datin/ Prof / Tuan/ Puan dalam perkara ini adalah amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

(DATIN DR. FARIDAH ARYANI BINTI MD. YUSOF) RPh. 1197
Pengarah Kanan Perkhidmatan Farmasi
Merangkap Pendaftar Lembaga Farmasi Malaysia
Kementerian Kesihatan Malaysia

MZ/drd
✉ m.zawawi@moh.gov.my/ datcayani@moh.gov.my
☎ +603 - 7841 3375/3276
☎ +603 - 7968 2222

s.k.

1. Pengarah Bahagian Regulatori Farmasi Negara
2. Pengarah Bahagian Penguatkuasaan Farmasi
3. Pengarah Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik Farmasi
4. Pengarah Bahagian Amalan & Perkembangan Farmasi
5. Pengarah Bahagian Lembaga Farmasi Malaysia
6. Ketua Sektor Farmasi
Bahagian Perkembangan Kesihatan Awam

SENARAI EDARAN

A. KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

1. Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Farmasi) Perlis
Melalui : Pengarah Kesihatan Negeri Perlis
2. Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Farmasi) Kedah
Melalui : Pengarah Kesihatan Negeri Kedah
3. Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Farmasi) Pulau Pinang
Melalui : Pengarah Kesihatan Negeri Pulau Pinang
4. Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Farmasi) Perak
Melalui : Pengarah Kesihatan Negeri Perak
5. Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Farmasi) Selangor
Melalui : Pengarah Kesihatan Negeri Selangor
6. Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Farmasi) Negeri Sembilan
Melalui : Pengarah Kesihatan Negeri Sembilan
7. Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Farmasi) Melaka
Melalui : Pengarah Kesihatan Negeri Melaka
8. Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Farmasi) Johor
Melalui : Pengarah Kesihatan Negeri Johor
9. Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Farmasi) Pahang
Melalui : Pengarah Kesihatan Negeri Pahang
10. Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Farmasi) Terengganu
Melalui : Pengarah Kesihatan Negeri Terengganu
11. Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Farmasi) Kelantan
Melalui : Pengarah Kesihatan Negeri Kelantan

12. Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Farmasi) WP Kuala Lumpur & Putrajaya
Melalui : Pengarah Kesihatan WP Kuala Lumpur & Putrajaya
13. Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Farmasi) WP Labuan
Melalui : Pengarah Kesihatan WP Labuan
14. Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Farmasi) Sabah
Melalui : Pengarah Kesihatan Negeri Sabah
15. Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Farmasi) Sarawak
Melalui : Pengarah Kesihatan Negeri Sarawak
16. **Ketua Jabatan Farmasi**
Hospital Kuala Lumpur
Melalui : Pengarah Hospital Kuala Lumpur
17. **Ketua Jabatan Farmasi**
Institut Kanser Negara
Melalui : Pengarah Institut Kanser Negara
18. **Ketua Jabatan Farmasi**
Institut Perubatan Respiratori
Melalui : Pengarah Institut Perubatan Respiratori
19. **Ketua Jabatan Farmasi**
Hospital Wanita & Kanak-Kanak Kuala Lumpur
Melalui : Pengarah Hospital Wanita & Kanak-kanak Kuala Lumpur
20. Ketua Sektor Farmasi
Bahagian Perkembangan Kesihatan Awam
Melalui : Pengarah Bahagian Perkembangan Kesihatan Awam
21. **Pengarah Farmasi**
Markas Angkatan Tentera Malaysia
Kementerian Pertahanan
Tingkat 12, Bangunan Menara PTPTN
Jalan Yap Kwan Seng
50540 Kuala Lumpur

B. HOSPITAL PENGAJAR

22. Ketua Pegawai Farmasi

Pusat Perubatan Universiti Malaya
Jabatan Farmasi
Tingkat 1, Menara Utama
Pusat Perubatan Universiti Malaya
59100 Kuala Lumpur

23. Ketua Pegawai Farmasi

Pusat Pakar Perubatan Universiti Teknologi Mara
Jalan Hospital, 47000 Sungai Buloh
Selangor, Malaysia

24. Pengurus Farmasi

Pusat Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia
Jalan Yaacob Latif,
Bandar Tun Razak, 56000
Cheras, Kuala Lumpur

25. Timbalan Pengarah Kanan Jabatan Farmasi

Hospital Universiti Sains Malaysia
Universiti Sains Malaysia Kampus Kesihatan
Jalan Raja Perempuan Zainab II
16150 Kota Bharu, Kelantan

C. DEKAN UNIVERSITI

26. Dekan Fakulti Farmasi

Dekan Fakulti Farmasi
Universiti Kebangsaan Malaysia
Jalana Raja Muda Abdul Aziz,
50300, Kuala Lumpur

27. Dekan Fakulti Farmasi

International Islamic University of Malaysia,
IIUM Kuantan Campus
Jalan Sultan Ahmad Shah,
Bandar Indera Mahkota, 25200 Kuantan, Pahang

28. **Dekan Fakulti Farmasi**
Universiti Teknologi Mara
Aras 11, Bangunan FF1,
Kampus UiTM Puncak Alam
42300, Selangor
29. **Dekan Fakulti Farmasi**
Pusat Pengajian Sains Farmasi
Universiti Sains Malaysia
11800 MINDEN, PULAU PINANG
30. **Dekan**
School of Pharmacy
AIMST University
Semeling,
08100 BEDONG KEDAH DARUL AMAN
31. **Dekan**
School of Pharmacy
International Medical University (IMU)
No.126, Jalan 19/155B, Bukit Jalil,
57000 KUALA LUMPUR
32. **Dekan**
Faculty of Pharmaceutical Sciences
UCSI University
No. 1, Jalan Menara Gading, UCSI Height, Cheras
56000 KUALA LUMPUR
33. **Dekan**
School of Pharmacy
Cyberjaya University College of Medical Sciences (CUCMS)
No.3410, Jalan Teknokrat 3, Cyber 4,
63000 CYBERJAYA, SELANGOR
34. **Dekan**
School of Pharmacy
Nottingham University,
Kampus Malaysia, Jalan Broga,
43500 SEMENYIH, SELANGOR

35. **Dekan**
Pusat Pengajian Farmasi
Taylor's University
No.1, Jalan Taylor's
47500 SUBANG JAYA, SELANGOR

D. PERSATUAN FARMASI

36. **Presiden**
Malaysian Pharmaceutical Society (MPS)
Wisma MPS, 16-2, Jalan OP 1/5, 1-Puchong Business Park
Off Jalan Puchong, 47160 Puchong
Selangor
37. **Presiden**
Malaysian Community Pharmacy Guild (MCPG)
Lot 2, Jalan Pendaftar U1/54
Section U1, Temasya @ Glenmarie
40150 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan
38. **Presiden**
Pharmaceutical Association of Malaysia (PhAMA)
Dataran 3 Dua, Jalan 19/1, C-18-2
3 Two Square, Jalan 19/1
46300 Petaling Jaya, Selangor
39. **Presiden**
Malaysian Organisation of Pharmaceutical Industries (MOPI)
Global Business & Convention Centre
Mezzanine Floor, Blok A,
No. 8, Jalan 19/1, Section 19,
46300 Petaling Jaya, Selangor
40. **Presiden**
Malaysian Association of Pharmaceutical Suppliers (MAPS)
Bangunan Medispec, B-1-07
Blok B, Jalan SS 25/22
Mayang Avenue
Taman Mayang
47301 Petaling Jaya, Selangor

41. **Presiden**

Association of Private Hospitals Malaysia (APHM)

Menara UOA Bangsar

5, Jalan Bangsar Utama 1, Seksyen 17

59000 Kuala Lumpur

42. **Presiden**

Sarawak Pharmaceutical Society

124, Jalan Padungan

93300 KUCHING SARAWAK

43. **Presiden**

Sabah Pharmaceutical Society

PO Box 13030

88833 KOTA KINABALU, SABAH



**LEMBAGA FARMASI MALAYSIA
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

**PANDUAN PENGENDALIAN LATIHAN LIBERALISASI AHLI FARMASI
PROVISIONAL (PRP) SEMASA TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN
(PKP)**

A. TUJUAN

1. Susulan dari penyebaran wabak pandemik COVID-19, kerajaan Malaysia telah memutuskan untuk melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di seluruh negara, mulai 18 Mac 2020.
2. PKP ini meliputi beberapa aspek seperti berikut:
 - i. Penutupan semua institusi pendidikan tinggi (IPT) awam dan swasta serta institut latihan kemahiran di seluruh negara
 - ii. Penutupan semua premis kerajaan dan swasta kecuali yang terlibat dengan perkhidmatan penting negara (*essential services*) termasuk, kesihatan dan farmasi
3. Memandangkan kesemua premis yang telah diiktiraf sebagai Fasilitas Latihan Liberalisasi (FLL) oleh Lembaga Farmasi Malaysia (LFM) boleh dikaitkan dengan aspek yang disebut di para 2, LFM mengeluarkan dokumen ini sebagai panduan kepada preceptor dan PRP untuk menjalani latihan PRP secara liberalisasi semasa tempoh PKP ini.

B. LATAR BELAKANG

1. Sehingga tahun 2020, sebanyak tujuh (7) jenis premis seperti berikut telah diiktiraf sebagai FLL dan disenaraikan di bawah jadual Kedua Akta Pendaftaran Ahli Farmasi 1951 (APAF 1951):

- i. Farmasi Komuniti
 - ii. Hospital Swasta
 - iii. Industri Farmaseutikal Mengilang
 - iv. Industri Farmaseutikal Tidak Mengilang
 - v. R&D Akademia (IPT Awam & Swasta)
 - vi. Hospital di bawah Kementerian Pengajian Tinggi (KPT)
 - vii. Hospital di bawah Kementerian Pertahanan Malaysia (KPM)
2. Bagi FLL seperti di para (i) sehingga (v), disyorkan untuk menggunakan panduan ini manakala bagi FLL seperti di para (vi) dan (vii), disyorkan untuk menggunakan **Garis Panduan Pengendalian Isu-Isu Berhubung Latihan Ahli Farmasi Provisional (PRP) Yang Menjalani Latihan Di Premis Latihan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) Susulan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)**.

C. SYOR BAGI CARA PENGENDALIAN LATIHAN LIBERALISASI PRP SEMASA TEMPOH PKP

1. Secara umumnya FLL boleh di kategorikan seperti berikut

FLL Perkhidmatan Penting (FLL-PP) (<i>Essential Service</i>)	FLL Bukan Perkhidmatan Penting (FLL-BPP) (<i>Non-Essential Service</i>)
Farmasi Komuniti	Industri Farmaseutikal Tidak Mengilang
Hospital Swasta	R&D Akademia
Industri Farmaseutikal Mengilang	

2. Bagi FLL-PP latihan PRP boleh dikendalikan seperti biasa semasa tempoh PKP.
3. Bagi FLL-BPP cara pengendalian latihan PRP adalah seperti berikut:

- i. Semasa tempoh PKP preseptor boleh membenarkan PRP untuk menjalani latihan dari rumah (*Training From Home (TFH)*)
- ii. TFH adalah sesuai sekiranya terdapat komponen-komponen buku log yang boleh dilatih secara elektronik di rumah.
- iii. Contoh komponen-komponen buku log yang boleh dijalani secara elektronik adalah *Regulatory Affairs, Medical Affairs, Penyediaan Marketing Material*, pengumpulan data kajian secara elektronik, penulisan manuskrip kajian dan tesis dan sebagainya.
- iv. Bagi komponen-komponen buku log yang perlu dilatih di premis latihan secara fizikal, preseptor perlu merancang tempoh latihannya selepas tamat tempoh PKP atau secara berkala di sepanjang tempoh PKP.
- v. Komponen-komponen buku log yang dilatih secara elektronik perlu diselia oleh preseptor untuk menilai pencapaian prestasi PRP dari masa ke semasa dengan menggunakan aplikasi atas talian seperti *Microsoft Team, Skype*, emel dan sebagainya.
- vi. Kaedah-kaedah penyeliaan yang boleh digunakan oleh preseptor untuk menilai pencapaian prestasi PRP adalah seperti berikut :
 - a) Memantau log tugas harian (*Daily Work Log*) secara elektronik
 - b) Pembentangan tugas secara elektronik (*Face to Face Electronic Presentation*)
 - c) Merancang masa untuk pembelajaran bersama preseptor secara atas talian
 - d) Merancang sesi soal jawab bersama PRP secara elektronik

D. PELANJUTAN LATIHAN PRP SUSULAN DARI PELAKSANAAN PKP

1. Berdasarkan Seksyen 6A(1) dan 6A(2), Akta Pendaftaran Ahli Farmasi 1951, PRP perlu menjalani latihan provisional bagi tempoh tidak kurang dari **satu (1) tahun** sebelum layak untuk memohon sebagai Ahli Farmasi Berdaftar Penuh [*Fully Registered Pharmacist (FRP)*].
2. Susulan dari pelaksanaan PKP, preseptor dikehendaki untuk memastikan jumlah tempoh latihan PRP secara keseluruhannya termasuk tempoh latihan yang dijalani secara TFH dan/atau secara fizikal di premis adalah tidak kurang dari satu (1) tahun.
3. Dalam tempoh PKP, jumlah hari yang tidak dijalankan latihan PRP (secara elektronik dari rumah atau secara fizikal di premis latihan) tidak akan diambil kira sebagai tempoh latihan PRP.
4. Sehubungan itu, PRP boleh dilanjutkan tempoh latihannya sekiranya:
 - i. PRP tidak kompeten atau tidak menunjukkan prestasi yang memuaskan bagi tugas / komponen buku log yang perlu disediakan secara TFH dalam tempoh PKP
 - ii. PRP masih belum melengkapkan komponen buku log yang perlu dilengkapi secara fizikal di premis latihan kerana tempoh PKP masih belum tamat
5. Rujuk pada carta aliran di Lampiran A untuk maklumat yang lebih terperinci.

E. KELAYAKAN PRP UNTUK BERCUTI SEMASA TEMPOH PKP

1. PRP yang sedang menjalani latihan PRP dalam tempoh PKP adalah layak untuk memohon cuti berdasarkan jumlah cuti tahunan yang disebut di kontrak majikan.
2. Sekiranya jumlah hari PRP bercuti termasuk cuti perubatan dan cuti bersalin melebihi jumlah cuti tahunan, PRP boleh dilanjutkan tempoh latihannya semasa atau selepas tamat tempoh PKP bergantung pada jenis komponen buku log yang belum dilengkapi (komponen untuk dilengkapi secara TFH atau secara fizikal di premis).

F. TATACARA UNTUK MEMOHON PELANJUTAN TEMPOH LATIHAN PRP

1. Surat permohonan bagi pelanjutan tempoh latihan PRP perlu dikemukakan oleh preseptor secara atas talian kepada Pengarah LFM di alamat emel latihan.prp@moh.gov.my
2. Surat tersebut perlu mengandungi maklumat seperti berikut:
 - i. Butiran PRP, preseptor dan premis yang lengkap
 - ii. Tempoh pelanjutan dengan tarikh mula dan tarikh tamat pelanjutan
 - iii. Komponen buku log yang memerlukan pelanjutan
 - iv. Alasan pelanjutan (contoh: pelaksanaan latihan tergendala semasa tempoh PKP)
 - v. Tandatangan preseptor
3. Surat tersebut perlu di hantar oleh preseptor ke LFM sebelum tarikh pelanjutan latihan PRP dimulakan

PROSES KERJA BAGI PELANJUTAN LATIHAN AHLI FARMASI PROVISIONAL (PRP) SECARA LIBERALISASI SEMASA PELAKSANAAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)

TANGGUNGJAWAB

PROSES KERJA



